



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023**

PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

Peraturan Pemarkahan

5228

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**[TINGKATAN 5]**

Peraturan Pemerkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

---

## BAHAGIAN A

SOALAN	JAWAPAN	SKOR
1	Zaid bin Harithah	1 Markah
2	4 bulan 10 hari	1 Markah
3	Bain sughra	1 Markah
4	Datuk sebelah bapa	1 Markah
5	التخيير	1 Markah
6	العرف والعادة	1 Markah
7	الاستحسان	1 Markah
8	الاستصحاب	1 Markah
9	حلال /	1 Markah
10	الفرع	1 Markah
11	متعة	1 Markah
12	مضاربة	1 Markah
13	حدود	1 Markah
14	الاجارة	1 Markah
15	الرهن	1 Markah
16	✓	1 Markah
17	✗	1 Markah
18	✓	1 Markah
19	✗	1 Markah
20	✗	1 Markah

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
PSI Kelantan 2023

BAHAGIAN B			
1	(a)	<p><b>Dua tuntutan hukum :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Haram menyerahkan harta anak yatim sehingga dipastikan kecerdikan mereka dalam menguruskan harta</li> <li>▪ Wajib membelanjakan harta anak yatim untuk keperluan mereka dengan baik dan memberi layanan yang baik kepada mereka</li> <li>▪ Wajib menguji anak yatim apabila telah sampai umur serta menyerahkan harta mereka apabila mereka telah cerdik dan pandai mengurus harta</li> <li>▪ Haram memakan harta anak yatim bagi penjaga yang kaya</li> <li>▪ Harus memakan harta anak yatim secara berpatutan bagi penjaga yang miskin</li> <li>▪ Wajib menghadirkan saksi ketika penyerahan harta anak yatim</li> </ul>	1m x 2 isi = 2 markah
	(b)	<p><b>Sebab nuzul ayat :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Thabit bin Rifa'ah dijaga oleh bapa saudaranya selepas bapanya meninggal dunia</li> <li>▪ Bapa saudaranya berjumpa Rasulullah SAW</li> <li>▪ dan berkata harta Thabit dalam jagaannya</li> <li>▪ dan bertanya bilakah dia boleh menyerahkan harta tersebut</li> <li>▪ Lalu turunlah ayat ini</li> </ul>	1m x 4 isi = 4 markah
	(c)	<p><b>Dua hikmah pengurusan harta anak yatim yang betul :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kehidupan anak-anak yatim akan terjamin untuk mereka meneruskan masa hadapan seperti orang lain yang mempunyai keluarga yang sempurna</li> <li>▪ Mengelakkan sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan harta yang boleh menyebabkan harta tersebut digunakan secara tidak sah</li> <li>▪ Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan yang boleh menyebabkan perpecahan dalam keluarga dan masyarakat</li> <li>▪ Merapatkan hubungan silaturrahim antara penjaga dengan anak yatim sebagai satu keluarga</li> <li>▪ Memberikan kegembiraan kepada anak yatim supaya mereka dapat merasai kehidupan berkeluarga seperti orang lain</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah
	(d)	<p><b>Dua langkah yang perlu dilakukan sebelum menyerahkan harta anak yatim :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menguji anak yatim untuk melihat kecerdikan mereka mengurus harta</li> <li>▪ Menyerahkan harta anak yatim setelah terbukti kecerdikan mereka mengurus harta.</li> <li>▪ Menghadirkan saksi semasa penyerahan harta anak yatim</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah

	(e)	<p><b>Contoh jawapan :</b></p> <table border="1"> <tr> <td>Isi</td> <td>Wajar</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Huraian</td> <td>Sekiranya Roslan seorang yang miskin</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Huraian lengkap</td> <td>Dengan syarat Roslan menggunakan wang tersebut untuk keperluan dan tidak berlebih-lebihan</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Penerangan huraian lengkap</td> <td>Tujuannya bagi memastikan kebajikan anak yatim pada masa akan datang</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Kesimpulan ringkas</td> <td>Oleh itu, sebagai pengurus harta kita hendaklah menjaga harta anak yatim dengan amanah</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>Kesimpulan lengkap</td> <td>Supaya dapat diserahkan harta tersebut kepada mereka setelah cerdik dan dapat menguruskan hartanya sendiri</td> <td>1m</td> </tr> </table>	Isi	Wajar	1m	Huraian	Sekiranya Roslan seorang yang miskin	1m	Huraian lengkap	Dengan syarat Roslan menggunakan wang tersebut untuk keperluan dan tidak berlebih-lebihan	1m	Penerangan huraian lengkap	Tujuannya bagi memastikan kebajikan anak yatim pada masa akan datang	1m	Kesimpulan ringkas	Oleh itu, sebagai pengurus harta kita hendaklah menjaga harta anak yatim dengan amanah	1m	Kesimpulan lengkap	Supaya dapat diserahkan harta tersebut kepada mereka setelah cerdik dan dapat menguruskan hartanya sendiri	1m	1m x 6 isi = 6 markah
Isi	Wajar	1m																			
Huraian	Sekiranya Roslan seorang yang miskin	1m																			
Huraian lengkap	Dengan syarat Roslan menggunakan wang tersebut untuk keperluan dan tidak berlebih-lebihan	1m																			
Penerangan huraian lengkap	Tujuannya bagi memastikan kebajikan anak yatim pada masa akan datang	1m																			
Kesimpulan ringkas	Oleh itu, sebagai pengurus harta kita hendaklah menjaga harta anak yatim dengan amanah	1m																			
Kesimpulan lengkap	Supaya dapat diserahkan harta tersebut kepada mereka setelah cerdik dan dapat menguruskan hartanya sendiri	1m																			
2	(a)	<p><b>Perbuatan mengubah ciptaan Allah berdasarkan hadis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membuat tatu</li> <li>▪ Meminta dibuatkan tatu</li> <li>▪ Mencukur alis/ kening</li> <li>▪ Menjarangkan gigi untuk kecantikan</li> </ul>	1m x 2 isi = 2 markah																		
	(b)	<p><b>Cara ulamak mengistinbatkan hukum :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Berdasarkan lafaz لعن الله</li> <li>▪ Bermaksud Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan tersebut.</li> <li>▪ Semua perbuatan yang dilaknat oleh Allah menunjukkan haram</li> <li>▪ Oleh itu haram membuat tatu, meminta dibuatkan tatu, mencukur alis dan menjarangkan gigi untuk kecantikan.</li> </ul>	1m x 4 isi = 4 markah																		
	(c)	<p><b>Dua kepentingan meninggalkan larangan dalam hadis di atas:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menjadikan individu muslim yang sentiasa bersyukur dan menghargai ciptaan Allah SWT</li> <li>▪ Sentiasa yakin dan redha dengan kejadian diri serta mengakui Allah SWT sebaik-baik pencipta.</li> <li>▪ Menghindari perasaan takabur dan sombong dengan kecantikan yang dimiliki.</li> <li>▪ Menjauhi unsur-unsur penipuan dan kepalsuan.</li> <li>▪ Mengelakkan memudharatkan kesihatan dan mendatangkan penyakit /kecacatan / membawa kematian</li> <li>▪ Mengelakkan pembaziran kerana kos pembedahan plastik yang tinggi</li> </ul> <p>#mana-mana jawapan yang musabah diterima</p>	2m x 2 isi = 4 markah																		

	(d)	<p><i>“Melakukan pengubahsuaian ciptaan Allah SWT boleh membawa kemudharatan kepada diri”</i></p> <p><b>Dua hujah untuk menyokong pernyataan di atas :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Risiko jangkitan kuman/ saraf rosak yang boleh menyebabkan berlaku kecacatan/komplikasi terhadap tubuh badan.</li> <li>▪ Pembedahan plastik memerlukan kos yg tinggi yang menyebabkan seseorang itu akan menghadapi masalah kewangan.</li> <li>▪ Berlaku unsur penipuan yang boleh menyebabkan pergaduhan dalam keluarga</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah	
	(e)	(i)	<p><b>Jenis pembedahan plastik di atas :</b> Pembedahan Rekonstraktif</p>	2mx 1isi= 2 markah
		(ii)	<p><b>Sebab yang membolehkan pembedahan dilakukan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pembedahan bertujuan untuk mengembalikan fungsi asal anggota badan manusia seperti membaiki mulut yang sumbing.</li> <li>▪ Pembedahan bertujuan untuk membaiki anggota badan yang rosak akibat kemalangan seperti memakai kaki palsu untuk menjalani kehidupan yang lebih sempurna.</li> </ul>	2 m x 2 isi= 4 markah
3	(a)	<p><b>Maksud Tawaf :</b> Mengelilingi baitullah (kaabah) sebanyak 7 kali/dengan syarat2 tertentu/bertujuan ibadah kepada Allah @ Mengeliling kaabah sebanyak 7 kali / dengan menjadikan kaabah sebelah kiri bermula dari sudut hajarul aswad dalam keadaan suci dari hadas kecil dan besar</p>	2mx 1 isi = 2 markah	
	(b)	<p><b>Dua jenis dam dan contoh kesalahan :</b></p> <p><b>Tartib dan Taqdir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak wukuf di Arafah</li> <li>▪ Tidak melontar jamrah</li> <li>▪ Tidak bermalam di Muzdalifah</li> <li>▪ Tidak berihram di miqat</li> <li>▪ Tidak tawaf wida’</li> <li>▪ Tidak melaksanakan nazar</li> <li>▪ Mengerjakan haji Tamatuk</li> <li>▪ Mengerjakan haji Qiran</li> </ul> <p><b>Tartib dan Ta’dil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melakukan persetubuhan sebelum tahallul awal</li> <li>▪ Ihsar - tertahan daripada memasuki Mekah selepas berihram</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah	

		<p><b>Takhyir dan Ta'dil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Berburu binatang buruan</li> <li>▪ Mengerat, menebang @ mencabut pokok di tanah haram</li> </ul> <p><b>Takhyir dan Taqdir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menggunting, mencabut 3 helai rambut/bulu dari badan</li> <li>▪ Memakai pakaian yang dilarang</li> <li>▪ Mengerat kuku</li> <li>▪ Memakai bau-bauan</li> <li>▪ Memakai miyak dikepala/janggut</li> <li>▪ Melakukan perkara permulaan persetubuhan</li> <li>▪ Melakukan persetubuhan selepas tahallul awal sebelum tahallul thani</li> <li>▪ Melakukan persetubuhan selepas persetubuhan yang merosakkan haji</li> </ul>	
	(c)	(i) <p><i>"Hibah boleh mengeratkan hubungan persaudaraan dalam masyarakat Islam"</i></p> <p><b>Dua hujah menyokong :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Saling memberi hadiah akan antara saudara mara atau sahabat handai akan saling mengingati / dan ini akan mengeratkan hubungan dan ukhuwah antara mereka</li> <li>▪ Seseorang yg mendapat hadiah@hibah akan rasa dihargai dan berterima kasih kepada pemberi hibah/ini menambahkan kemesraan antara mereka</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah
	(d)	<p><b>Dua syarat wali dalam perkahwinan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Islam</li> <li>▪ Adil</li> <li>▪ Lelaki</li> <li>▪ Baligh</li> <li>▪ Berakal</li> <li>▪ Bukan golongan orang yang tidak boleh mentadbir harta</li> <li>▪ Tidak berada dalam ihram Haji dan Umrah</li> </ul>	1m x 2 isi = 2 markah
	(e)	(i) <p><b>Hukum dan alasan :</b> Hukum : Sah Alasan : Kerana kereta adalah milik penuh Omar</p>	1m x 2 isi = 2 markah hukum 1m alasan 1m
		(ii) <p>Hukum : Tidak Sah Alasan : kesalahan mencuri termasuk dalam kesalahan hudud yang tidak boleh diampunkan</p>	1m x 2 isi = 2 markah

	(f)	<p><b>Contoh jawapan :</b></p> <table border="1" data-bbox="646 331 1589 831"> <tr> <td data-bbox="646 331 860 422">Isi</td> <td data-bbox="860 331 1467 422">Tidak bertanggungjawab terhadap anak / kurang iman</td> <td data-bbox="1467 331 1589 422">1m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="646 422 860 514">Huraian</td> <td data-bbox="860 422 1467 514">Sehingga sanggup mendera dan mencederakan anak sendiri</td> <td data-bbox="1467 422 1589 514">1m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="646 514 860 651">Huraian lengkap</td> <td data-bbox="860 514 1467 651">Seorang ibu atau ayah diberi amanah untuk menjaga anak-anak termasuk dari segi keselamatan fizikal</td> <td data-bbox="1467 514 1589 651">1m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="646 651 860 831">Kesimpulan ringkas</td> <td data-bbox="860 651 1467 831">Oleh itu semua ibuabapa harus bertanggung jawab terhadap anak-anak agar anak terjamin perkembangan fizikal dan mentalnya.</td> <td data-bbox="1467 651 1589 831">1m</td> </tr> </table>	Isi	Tidak bertanggungjawab terhadap anak / kurang iman	1m	Huraian	Sehingga sanggup mendera dan mencederakan anak sendiri	1m	Huraian lengkap	Seorang ibu atau ayah diberi amanah untuk menjaga anak-anak termasuk dari segi keselamatan fizikal	1m	Kesimpulan ringkas	Oleh itu semua ibuabapa harus bertanggung jawab terhadap anak-anak agar anak terjamin perkembangan fizikal dan mentalnya.	1m	<p>1mx 4 isi = 4 markah</p>
Isi	Tidak bertanggungjawab terhadap anak / kurang iman	1m													
Huraian	Sehingga sanggup mendera dan mencederakan anak sendiri	1m													
Huraian lengkap	Seorang ibu atau ayah diberi amanah untuk menjaga anak-anak termasuk dari segi keselamatan fizikal	1m													
Kesimpulan ringkas	Oleh itu semua ibuabapa harus bertanggung jawab terhadap anak-anak agar anak terjamin perkembangan fizikal dan mentalnya.	1m													

BAHAGIAN C				
4	(a)	(i)	<p><b>Maksud Saddu zarai' ialah</b> Mencegah perkara harus yang boleh mendatangkan kemudharatan</p>	1m x 2 isi = 2 markah
		(ii)	<p>“Akram menjual anggur kepada pengusaha arak dikampungnya”</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hukum adalah haram</li> <li>▪ Kerana perkara tersebut banyak mendatangkan kemudharatan daripada kebaikan</li> </ul> <p>@</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Harus</li> <li>▪ Kerana menepati konsep jual beli dalam Islam</li> </ul>	1m x 2 isi = 2markah
	(b)		<p><b>Hukum nasakh mansukh berdasarkan nas di atas ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Nasakh al-Quran dengan hadis</li> <li>▪ Ayat al-Quran memerintahkan supaya membuat wasiat kepada ibu bapa dan kaum kerabat sebelum meninggal dunia</li> <li>▪ Tetapi hukum tersebut telah dimansukhkan oleh hadis</li> <li>▪ Yang menyatakan haram mewasiatkan harta kepada ahli waris</li> </ul>	1m x 4 isi = 4 markah
	(c)		<p><b>Dua ciri perundangan Islam :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Berdasarkan manhaj ketuhanan (ربانية) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu hukum syariah bukan ciptaan manusia malah ia tidak dipengaruhi oleh faktor tempat, masa dan budaya serta faktor yang diwarisi</li> </ul> </li> <li>▪ Bersifat universal (عالمية) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu semua hukum Islam yang diturunkan untuk semua manusia tanpa mengira warna kulit, pertuturan ataupun tempat</li> </ul> </li> <li>▪ Menyeluruh (شمولية) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu sistem perundangan Islam meliputi semua aspek kehidupan manusia seperti Aqidah, ibadat dan akhlak</li> </ul> </li> <li>▪ Sumber yang asli dan kekal <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu undang-undang Islam tidak berlaku sebarang penyelewengan dan perubahan malahan ianya kekal hingga ke hari kiamat.</li> </ul> </li> <li>▪ Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu sistem perundangan Islam tidak membebankan dan menyukarkan umat Islam</li> </ul> </li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah



		<p>bahkan ia mempunyai hikmah dan kebaikan dalam hidup.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memelihara keseimbangan material dan kerohanian <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Iaitu perundangan Islam seimbang dunia dan akhirat yang saling melengkapi antara keduanya.</li> </ul> </li> </ul>									
	(d)	<p><b>Dua kesan penubuhan mahkamah Syariah di Malaysia :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Undang-undang Islam dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam negara</li> <li>▪ Isu-isu berkaitan jenayah syariah khususnya penjagaan akidah umat Islam dapat diselesaikan</li> <li>▪ Menyelaraskan isu-isu kekeluargaan Islam yang berlaku dalam kalangan umat Islam</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah								
	(e)	<p><b>Dua Perbezaan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat :</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #d9e1f2;">Tamadun Islam</th> <th style="background-color: #d9e1f2;">Tamadun Barat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Islam adalah asas tamadun dan prinsip tidak berubah.</td> <td>Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah</td> </tr> <tr> <td>Berasaskan konsep kesepaduan antara dunia dengan akhirat</td> <td>Hanya menumpukan kepada aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama</td> </tr> <tr> <td>Kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama</td> <td>Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai agama</td> </tr> </tbody> </table> <p>Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm PSI Kelantan 2023</p>	Tamadun Islam	Tamadun Barat	Islam adalah asas tamadun dan prinsip tidak berubah.	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah	Berasaskan konsep kesepaduan antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama	Kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai agama	2m x 2 isi = 4 markah
Tamadun Islam	Tamadun Barat										
Islam adalah asas tamadun dan prinsip tidak berubah.	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah										
Berasaskan konsep kesepaduan antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama										
Kemajuan tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai agama										

5	(a)	<p><b>Maksud al Masolihul Mursalah المصالح المرسله ialah :</b></p> <p>Kebaikan yang bersesuaian dengan kebaikan yang dianjurkan oleh syarak / tetapi tiada nas syarak secara khusus mengiktiraf atau menolaknya.</p>	2m x 1 isi = 2 markah								
	(b)	<p><b>Dua pembahagian al Masolihul Mursalah المصالح المرسله beserta contoh :</b></p> <table border="1" data-bbox="672 696 1589 1467"> <thead> <tr> <th data-bbox="672 696 956 851">Pembahagian Masolih al-mursalah</th> <th data-bbox="956 696 1589 851">Contoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="672 851 956 1142">1- ضروريات</td> <td data-bbox="956 851 1589 1142">Kewajipan mempelajari ilmu agama, memakan makanan yang tidak membahayakan, kewajipan berkahwin bagi yang berkemampuan, kewajipan menjahui perbuatan zina dan mencuri</td> </tr> <tr> <td data-bbox="672 1142 956 1279">2- حاجيات</td> <td data-bbox="956 1142 1589 1279">Harus jualbeli melalui internet , jual beli secara kartelog</td> </tr> <tr> <td data-bbox="672 1279 956 1467">3- تحسنيات</td> <td data-bbox="956 1279 1589 1467">Harus memakai pakaian mengikut fesyen semasa tetapi bertepatan dengan syarak</td> </tr> </tbody> </table>	Pembahagian Masolih al-mursalah	Contoh	1- ضروريات	Kewajipan mempelajari ilmu agama, memakan makanan yang tidak membahayakan, kewajipan berkahwin bagi yang berkemampuan, kewajipan menjahui perbuatan zina dan mencuri	2- حاجيات	Harus jualbeli melalui internet , jual beli secara kartelog	3- تحسنيات	Harus memakai pakaian mengikut fesyen semasa tetapi bertepatan dengan syarak	2m x 2 isi = 4 markah
Pembahagian Masolih al-mursalah	Contoh										
1- ضروريات	Kewajipan mempelajari ilmu agama, memakan makanan yang tidak membahayakan, kewajipan berkahwin bagi yang berkemampuan, kewajipan menjahui perbuatan zina dan mencuri										
2- حاجيات	Harus jualbeli melalui internet , jual beli secara kartelog										
3- تحسنيات	Harus memakai pakaian mengikut fesyen semasa tetapi bertepatan dengan syarak										
	(c)	<p><b>Dua perkara asas Maqasid Syariah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memelihara Agama ( حفظ الدين )</li> <li>▪ Memelihara Diri ( حفظ النفس )</li> <li>▪ Memelihara Keturuan ( حفظ النسب )</li> <li>▪ Memelihara Harta ( حفظ المال )</li> <li>▪ Memelihara Akal ( حفظ العقل )</li> </ul>	1m x 2 isi = 2 markah								
	(d)	<p><b>Dua kesan penjajahan Barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sistem perundangan barat telah digunakan sepenuhnya dalam Mahkamah Civil</li> <li>▪ Undang-undang barat mempengaruhi sistem kehakiman dengan wujudnya enakmen undang-undang civil</li> <li>▪ Bidang kuasa raja melayu telah dihadkan dalam perundangan Islam hasil daripada Perjanjian Pangkor</li> <li>▪ Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah dibataskan oleh undang-undang Persekutuan</li> <li>▪ Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia iaitu Mahkamah Civil dan Mahkamah Syariah</li> </ul>	2m x 2 isi = 4 markah								

(e)		<p><b>Dua jasa Hujah Mi'mar Sinan ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membina sebuah jambatan buat kali pertama pada tahun 934-935 H untuk <b>كوبن مصطفى فاشا</b> di Bolgaria.</li> <li>▪ Berjaya membina sebuah jambatan bagi menyeberangi sebatang sungai dalam masa 13 hari dalam satu ekspedisi ketenteraan.</li> <li>▪ Membina masjid-masjid yang menjadi kemegahan kerajaan Bani Uthmaniyah.</li> <li>▪ Dilantik sebagai Ketua Jurutera Negara yang merupakan jawatan tertinggi oleh Sulatan Sulaiman al Qanuni.</li> <li>▪ Menghasilkan lebih daripada 300 buah binaan yang terdiri daripada masjid,sekolah, istana,hospital ,rumah rehat dan rumah permandian awam ( حمام )</li> </ul>	<p>1m x 2 isi = 2 markah</p>
(f)		<p><b>Dua faktor kemerosotan tamadun Bani Uthmaniyah ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kelemahan penghayatan Islam para khalifah menyebabkan nilai-nilai Islam berkurangan dan tidak lagi menjadi keutamaan.</li> <li>▪ Kelemahan kepimpinan apabila terdapat khalifah yang dilantik pada usia yang terlalu muda gagal mengendalikan pentadbiran dan menyusun strategi ketenteraan.</li> <li>▪ Umat Islam ketinggalan dalam bidang teknologi yang menyebabkan musuh-musuh kerajaan Bani Uthmaniyah menguasai teknologi persenjataan dan peperangan.</li> <li>▪ Penyelewengan tentera elit daripada tujuan asal untuk melaksanakan misi ketenteraan dan melindungi rakyat kepada menindas rakyat.</li> <li>▪ Pelantikan menteri-menteri yang tidak berkelayakan oleh khalifah mereka tidak lagi mentadbir dan mengetuai ketenteraan kerana mereka sibuk dengan hal-hal keduniaan.</li> <li>▪ Pembaziran khalifah terhadap sumber hasil Negara seperti pembinaan istana khalifah yang hampir mencecah 1/3 hasil kewangan Negara.</li> <li>▪ Bebanan hutang yang tinggi diambil dari Negara Eropah sehingga menyebabkan kerajaan Bani Uthmaniyah tidak mampu membayarnya.</li> <li>▪ Kelemahan sistem pendidikan yang meminggirkan pendidikan Islam dan menggalakkan pendidikan sekular.</li> </ul>	<p>2m x 2 isi = 4 markah</p>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**